

**Kerajaan Akan Kaji Langkah Baru Tangani Kenaikan Harga Barang – TPM  
Bernama  
Julai 30, 2011**

PAGOH, 30 Julai (Bernama) -- Kerajaan akan mengkaji langkah baru untuk menangani kenaikan harga barang bagi mengurangkan bebanan rakyat, kata Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Beliau berkata antara langkah berkenaan ialah membantu petani, penguatkuasaan undang-undang, imbuhan khas kepada rakyat dan menambah subsidi untuk rakyat selain subsidi minyak.

Jawatankuasa Kabinet Mengenai Bekalan dan Harga Barang akan bermesyuarat tidak lama lagi bagi mengkaji langkah berkenaan dan merumuskan formula untuk mengurangkan beban rakyat berikutan kenaikan kos harga barang-barang, kata Muhyiddin yang juga pengerusi jawatankuasa itu.

Langkah itu nanti akan menidakkan dakwaan bahawa kerajaan tidak ambil kisah mengenai beban yang ditanggung rakyat berikutan kenaikan harga barang-barang keperluan, katanya kepada pemberita selepas merasmikan Karnival Kesihatan dan Pelancaran Program Doktor Masuk Kampung Parlimen Pagoh di sini hari ini.

Pada Rabu lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan kerajaan memutuskan untuk menambah satu lagi Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) iaitu yang berkaitan usaha untuk memerangi kos kehidupan yang semakin meningkat berikutan kenaikan harga barang-barangan terutamanya makanan, yang dilihat sebagai fenomena global dan membebankan rakyat.

Mengenai program doktor turun kampung itu, Muhyiddin berkata ia adalah inisiatif 'sentuhan hati' di kawasan Parlimen Pagoh yang diwakilinya bagi meningkatkan lagi usaha kerajaan turun ke peringkat akar umbi bagi meninjau sendiri masalah rakyat dan seterusnya membolehkan penyaluran bantuan bagi meringankan beban mereka.

Beliau berkata program itu dijangka bermula 13 Ogos ini dan diadakan dua kali sebulan dengan melibatkan 11 lokasi karnival mini yang meliputi 31 buah kampung dan akan memberikan manfaat kepada 30,000 penduduk.

Katanya program itu akan melibatkan sepasukan pakar perubatan, pegawai perubatan, penolong pegawai perubatan, jururawat dan badan bukan kerajaan yang akan memberikan perkhidmatan perubatan kepada penduduk.

Pada majlis itu juga, Muhyiddin menyampaikan 500 cermin mata untuk diagihkan kepada murid Tahun Satu hingga Tahun Enam dan warga tua di kawasan Pagoh yang mengalami masalah penglihatan.

Beliau turut menyerahkan bas klinik pergigian bergerak sumbangan di bawah Parlimen Pagoh kepada Klinik Pergigian Muar bagi memberikan perkhidmatan pergigian percuma kepada penduduk luar bandar di daerah tersebut.

Pada majlis berasingan sebelum itu, Muhyiddin menyampaikan bantuan beras sempena Ramadan kepada 77 buah surau dan 44 masjid kawasan Parlimen Pagoh di Dewan Seri Pekembar.

-- BERNAMA

Hakcipta Terpelihara © 2011 BERNAMA

Source: <http://bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=605044>